



Lembaga Minyak Sawit Malaysia

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

KENYATAAN TENDER

Pelawaan tender kepada syarikat yang berpengalaman dan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih sah tempoh bagi tender berikut:

BIL.	NOMOR DAN TAJUK TENDER	SYARAT PENDAFTARAN (KOD BIDANG MOF)	TARIKH TAKLIMAT, TARIKH PENJUALAN, TARIKH TUTUP DOKUMEN TENDER	TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN TENDER & PEGAWAI DIHUBUNGI
1.	NO. TENDER : MPOB(T/P)02/25 KERJA-KERJA TANAM SEMULA TANAMAN SAGU KEPADA SAWIT SELUAS 30.6 HEKTAR DI BLOK 3, 5, 6, 7 & 8 DAN KERJA-KERJA TANAM SEMULA SAWIT KEPADA SAWIT SELUAS 1.5 HEKTAR SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI STESEN PENYELIDIKAN MPOB PENOR, PAHANG.	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang: 222104 Pertanian/Tanaman/Ladang/ Taman/Hutan dan Ladang Hutan; dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (MOF) (jika ada); dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)	Tarikh Taklimat: 13 Februari 2025 (Khamis) Masa Taklimat : 9.00 pagi Tempat Taklimat: Bilik Mesyuarat Stesen Penyelidikan MPOB Penor, Pahang, KM 19, Jalan Kuantan - Pekan, Mukim Penor, 25150 Kuantan, Pahang Sesi taklimat adalah diwajibkan kepada semua Petender. Lawatan Tapak Ladang : Petender dinasihatkan untuk membawa kenderaan sendiri (4WD) bagi tujuan lawatan ke tapak ladang. Tarikh Penjualan Dokumen Tender: 13 Februari 2025 (Khamis) - 21 Februari 2025 (Jumaat) Tarikh Tutup : 6 Mac 2025 (Khamis) pukul 12.00 tengah hari.	Tempat Penjualan Dokumen: Kaunter Kewangan, Unit Kewangan & Perolehan, Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB, No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor. Tel: 603-8769 4524; atau Pejabat MPOB Wilayah Timur, Lot Pt 76920, Bangunan MPOB, Bandar Indera Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang. Tel: 09-5729696 Untuk keterangan selanjutnya, sila hubungi: Nama Pegawai: Hj. Mohd Azmi Sunda No. Tel : 03-8769 4421

1. Dokumen tender berharga **RM50.00 senaskhah** boleh dibeli secara **draf bank sahaja** (tidak dikembalikan) atas nama **Lembaga Minyak Sawit Malaysia** mengikut waktu dan tempat seperti jadual di atas pada hari bekerja dan waktu pejabat dari **9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari atau 2.00 petang hingga 4.00 petang**.
 2. **Petender/Syarikat wajib berdaftar sebagai pembekal/kontraktor MPOB yang sah sebelum menyertai perolehan MPOB.** Pendaftaran yang lengkap termasuk pembayaran pendaftaran hendaklah dijelaskan **SEBELUM** petender mengembalikan dokumen tender pada tarikh tutup tender yang ditetapkan. Untuk maklumat lanjut, sila majukan pertanyaan kepada perolehan@mprob.gov.my atau hubungi di talian 03-87694543 (Pn. Shahera)/03-87693948 (Pn. Nur Farahanis)/03-87694267 (Pn. Siti Khadijah).
 3. **Petender adalah diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak** bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran tender.
 4. Hanya penama dalam Sijil Pendaftaran MOF/SSM sahaja dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender manakala bagi pembelian dokumen tender, wakil kepada pemilik syarikat dengan **Surat Perwakilan Kuasa** adalah dibenarkan. Sesalinan sijil pendaftaran di atas hendaklah dikemukakan kepada MPOB (tidak dikembalikan) sebagai bukti kelayakan. **Sila bawa cap syarikat semasa berurusan dengan MPOB.**
 5. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis nombor tender, tajuk dan tarikh tutup tender di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen tender tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender pada atau sebelum tarikh tutup tender di alamat: **Peti Tender, Kaunter Kewangan, Unit Kewangan & Perolehan, Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB, No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.**
 6. Tarikh tutup tender adalah seperti dinyatakan dalam jadual di atas. **Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**
- Keutamaan dan kelebihan diberikan kepada syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.**